



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel : 06-233 2261 Faks : 06-232 2177
Email : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.02/10.12/3/2 (17)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :



April 2008
Rabiulakhir 1429

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2008

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN PENGGUNAAN BORANG PENCERAMAH/FASILITATOR SAMBILAN

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan borang yang baru bagi tuntutan bayaran untuk penceramah/fasilitator sambilan sepertimana dalam Pekeliling Bendahari Bil. 2/2007.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pejabat Bendahari telah menerimapakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2005 berkaitan peraturan dan kadar baru bagi penceramah/fasilitator sambilan untuk kakitangan sektor awam menerusi Pekeliling Bendahari Bil. 2/2007.

2.2 Namun begitu, didapati borang tuntutan bagi penceramah/fasilitator sambilan masih belum dikemaskini dan ini menimbulkan sedikit kekeliruan pada maklumat dalam borang yang sedia ada apabila berlaku pindaan pada peraturan baru.

2.3 Sehubungan dengan itu, Pejabat Bendahari mengambil inisiatif untuk melakukan beberapa pindaan pada borang tuntutan bayaran penceramah/ fasilitator sambilan agar lebih komprehensif dan bertepatan dengan peraturan yang baru.

3.0 PENGGUNAAN BORANG PENCERAMAH/ FASILITATOR SAMBILAN

3.1 Terdapat dua borang baru bagi tuntutan bayaran saguhati untuk penceramah/ fasilitator sambilan iaitu:

- a) UTeM/BEN/BPFS/01 – untuk penceramah/ fasilitator dari kalangan staf UTeM.
- b) UTeM/BEN/BPFS/02– untuk penceramah/ fasilitator luar

3.2 Penceramah/fasilitator sambilan dari kalangan tokoh ternama/penceramah bebas yang dibayar berdasarkan '*lump sum*' (para 5.3.2-Pekeliling Bendahari Bil. 2/2007) tidak perlu mengisi borang penceramah/ fasilitator sambilan.

3.3 Penceramah/fasilitator sambilan dari kalangan tokoh ternama/penceramah bebas yang dibayar berdasarkan kelayakan akademik (para 5.3.1-Pekeliling Bendahari Bil. 2/2007), perlu melengkapkan UTeM/BEN/BPFS/02 sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari.

3.4 Penganjur boleh memohon penyediaan cek sebelum program dilaksanakan dengan syarat penceramah/fasilitator telah melengkapkan borang tuntutan bayaran. Namun begitu, bagi penceramah/fasilitator sambilan dari kalangan staf UTeM, bayaran hanya akan dibuat selepas dari program tersebut dilaksanakan.

3.5 Penganjur perlu memastikan penceramah/ fasilitator sambilan yang tidak dapat melengkapkan borang selepas cek diserahkan, berbuat demikian dalam tempoh 2 minggu selepas program dilaksanakan. Sekiranya penganjur gagal, mendapatkan semula borang yang lengkap selepas tempoh 2 minggu, Pejabat Bendahari akan mengeluarkan surat peringatan kepada pihak penganjur.

Kegagalan pihak penganjur mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan ini akan menjejaskan pembayaran cek kepada penceramah/fasilitator sambilan pada masa akan datang.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Mei 2008**.

Sekian, terima kasih. *Wassalam*.

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k **Y. Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Pengkomersilan